




Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Bahagian Pengajian Linguistik Bahasa Melayu  
Sidang Akademik 2020/2021  
Semester 1

---

HMT 315 - SOSIOLINGUISTIK

---

UJIAN 2-10%

	<p><b>NURUL FIKRAH BINTI AZIZ</b> (KUMPULAN TUTORIAL 2 ISNIN 11-12 PM) <b>NO KP:</b> 980207115208 <b>NO MATRIK:</b> 141428 <b>EMAIL:</b> <a href="mailto:nurulfikrah091@gmail.com">nurulfikrah091@gmail.com</a> <b>NO TEL:</b> 01129436977</p>
--	--

**HASIL PEMBELAJARAN**

Mohon rujuk Rangka Kursus.

Pada akhir kursus, pelajar dapat:

CO1	menghuraikan konsep sosiolinguistik dan fenomena hasil hubungan antara bahasa dengan masyarakat (sosiolinguistik);	PO1	C4	-	Ujian (13) - soalan [a]
CO2	merumuskan kefahaman terhadap beberapa teori sosiolinguistik;	PO3	C5	CTPS3	Ujian (13) - soalan [b]

**BACA ARAHAN INI. TIDAK ADA SOALAN YANG AKAN DILAYAN.**

- [1] Jawab di atas kertas ini di ruang yang disediakan.
- [2] Ujian ini adalah seperti ujian bersemuka – disediakan untuk 50 minit masa kuliah SAHAJA.
- [2] Pastikan jawapan anda mencerminkan beban masa tersebut.
- [3] Ujian ini dikendalikan sebagai ujian terbuka. Cabaran pelajar adalah untuk memastikan jawapan menepati [2] dan [3] di atas.
- [4] Penghantaran jawapan dalam bentuk fail WORD/DOC adalah melalui KETUA KUMPULAN TUTORIAL.
- [5] Setiap pelajar mesti muat naik jawapan dalam bentuk pdf ke elearn.
- [6] Tarikh Akhir serah: **8 FEBRUARI 2021**
- [7] Tarikh Akhir muat naik ke elearn: **12 Januari 2021**

**Soalan: Jawab [a] dan [b].**

[a] Rujuk soalan [b] sebelum menjawab soalan ini.

Pilih **SATU fenomena sosiolinguistik** dan huraikannya secara ringkas dengan **merujuk kepada mana-mana seorang sarjana** yang berkenaan.

Dialek merupakan salah satu fenomena sosiolinguistik. Dialek adalah salah satu cabang linguistik yang menganalisis dan menghuraikan bahasa dari segi kawasan, sosial, untuk menunjukkan perbezaan sebutan, tatabahasa dan kosa. Setiap tempat itu mempunyai dialek yang berbeza yang menjadi simbol kepada kawasan tersebut. Variasi bahasa dialek atau loghat bahasa dianggap dapat memudahkan komunikasi antara penduduk setempat. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, dialek merupakan satu bentuk Bahasa yang digunakan dalam sesuatu daerah atau dari sesuatu kelas sosial berbeza daripada bahasa standard.

Menurut Abdul Hamid Mahmood (1994) pula, dialek sebagai satu variasi atau kelainan bahasa daripada satu bahasa tertentu yang dituturkan oleh sekumpulan penutur dalam satu-satu masyarakat bahasa. Mempunyai bentuk tertentu dituturkan dalam sesuatu kawasan yang berbeza dari segi cara sebutan, tatabahasa dan penggunaan kata-kata tertentu, tetapi perbezaannya tidaklah begitu besar untuk dianggap sebagai satu bahasa yang lain

Seterusnya Nik Safiah Karim (1993:27) menerusi Monograf Simposium Dialek mentakrifkan dialek sebagai variasi bahasa yang dibezakan mengikut penggunaannya. Tiap-tiap dialek mempunyai ciri-ciri tersendiri yang membezakannya dengan dialek-dialek yang lain.

[5 markah]

- [b] Berdasarkan [a] di atas, bincangkan sama ada anda atau tidak **mempamerkan fenomena tersebut dalam penggunaan bahasa harian anda**. Beri **DUA ulasan SAHAJA**.

Pemilihan fenomena dialek di soalan [a] kerana pengkaji menggunakan dialek dalam komunikasi seharian. **Pengkaji menggunakan dialek kelantan sebagai bahasa pertuturan harian kerana pengkaji berasal dari Besut**. Seperti yang semua ketahui, Besut merupakan daerah di Negeri Terengganu tetapi penduduk di Besut akan menggunakan dialek kelantan sebagai bahasa komunikasi utama. Ibu bapa pengkaji juga merupakan penutur natif dialek Kelantan yang menyebabkan pemerolehan bahasa dialek dikuasai pengkaji sejak kecil.

Selain itu, juga **penggunaan dialek berlaku dalam diri pengkaji juga berdasarkan faktor akomodasi iaitu pengkaji menyesuaikan diri dengan penggunaan bahasa dalam kalangan orang Utara**. Pengkaji mempunyai ramai rakan-rakan dari utara sejak menjadi pelajar di Universiti Sains Malaysia, Penang yang menyebabkan pengkaji menutur menggunakan dialek utara ketika berhubung dengan rakan-rakan. Sebagai contohnya, apabila pengkaji membuat perbincangan secara atas talian dengan rakan dari utara, pengkaji akan menggunakan dialek ini.

Kita dapat melihat beberapa aspek perbezaan iaitu dari segi sebutan dan ejaan antara perkataan dalam Bahasa Melayu Standard dengan dialek Kelantan dan dialek utara. Antara contoh-contoh perkataan yang boleh diberikan ialah, 'bakpo' digunakan dalam dialek Kelantan, 'pasaipa' digunakan dalam dialek utara dan 'kenapa' dalam Bahasa Melayu Standard. Di sini jelas menunjukkan perbezaan dari segi sebutan dan ejaan itu sendiri.

Secara keseluruhannya, dapat dikatakan bahawa fenomena dialek dalam aspek sosiolinguistik sememangnya mempunyai perbezaan yang sangat ketara dengan Bahasa Melayu Standard dari segi penggunaan fonem vokal, fonem konsonan, leksikal, perbezaan bentuk, tatabahasa dan sebagainya. Sebagai penutur jati dialek Kelantan, dan menjadikan dialek utara sebagai bahasa kedua dapat menilai sendiri sejauh mana perbezaan yang wujud dengan bahasa Melayu Standard.

[5 markah]



**Skema:**

Untuk [a]: 3 markah untuk huraian konsep; 1 markah untuk rujukan sarjana yang bersesuaian; 1 markah untuk bahasa dan persembahan yang kemas.

Untuk [b]: 2 markah untuk setiap satu ulasan yang dibincangkan; 1 markah untuk bahasa dan persembahan yang kemas.

SELAMAT BUAT UJIAN  
---0000000---